

 DagangNews.com

Loji gas karbon dioksida cecair kedua Kelington di Kerteh mula beroperasi



Kelington memiliki 90.71% saham dalam Ace Gases./Gambar hiasan media sosial

Oleh M. HERMAN HAMID
herman@dagangnews.com

KUALA LUMPUR 26 Mac - Kelington Group Berhad menerusi anak syarikatnya, Ace Gases Sdn Bhd telah memulakan pengeluaran karbon dioksida cecair (LCO₂) dengan kapasiti pengeluaran tahunan sehingga 70,000 tan metrik di Loji LCO₂ kedua di Kerteh, Terengganu.

Perkara itu dimaklumkan Kelington kepada Bursa Malaysia hari ini dan pihaknya memiliki 90.71% saham dalam Ace Gases.

Menurut Kelington, loji kedua di Kerteh itu meningkatkan kapasiti pengeluaran LCO₂ Kumpulan kepada 120,000 tan setahun.

"Di loji LCO₂ Kumpulan, gas buangan CO₂ yang diperoleh daripada Loji Pemprosesan Gas Petronas ditulenkan dan ditukar kepada LCO₂ gred makanan, memenuhi keperluan untuk kegunaan merentasi pelbagai penggunaan.



Gas karbon dioksida cecair (LCO₂) turut menjadi bahan dalam industri makanan bagi tujuan penciptaan ais kering. - Gambar hiasan FB ACE Gases.

"Ini terutamanya dalam sektor Makanan dan Minuman (F&B) untuk pengeluaran minuman berkarbonat dan penciptaan ais kering untuk pembekuan makanan," katanya.



LCO₂ digunakan sebagai bahan dalam sektor Makanan dan Minuman (F&B) untuk pengeluaran minuman berkarbonat dan penciptaan ais kering untuk pembekuan makanan. Gambar hiasan FB Ace Gases

Dalam kenyataan media tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Kelington, Raymond Gan berkata, loji LCO₂ kedua meletakkan pertumbuhan hasil segmen gas perindustrian Kumpulan kini mempunyai kapasiti untuk memenuhi permintaan yang meningkat dengan berkesan.

"Prospek perniagaan pembuatan LCO₂ kami menjanjikan, terutamanya kerana penutupan loji petrokimia di luar negara disebabkan kebimbangan alam sekitar telah menyebabkan kekurangan LCO₂ global yang penting dalam banyak proses perindustrian.

"Lebih 70% daripada LCO₂ kumpulan itu kini dieksport ke Singapura, Australia, New Zealand, Fiji, Indonesia dan Filipina.

"Kapasiti yang dipertingkatkan membolehkan kami meluaskan lagi pasaran kami, ke kawasan sedia dan ke wilayah baharu," katanya. - DagangNews.com